



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**

**KERATAN AKHBAR  
10 Jun 2019 (ISNIN)**



**DISEDIAKAN OLEH :  
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT**



AKHBAR	SINAR HARIAN
TAJUK BERITA	USAH POLITIKKAN PERLANTIKAN LATHEEFA
MUKA SURAT	19

## Usah politikkan perlantikan Latheefa

**SHAH ALAM**-Perlantikan Latheefa Beebi Koya sebagai Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dilakukan mengikut perlembagaan.

Menteri Besar Amirudin Shari berkata, dalam soal ini semua pihak seharusnya menghormati perlantikan tersebut dan tidak menjadikannya sebagai isu atau modal politik.

“Perlantikan berkenaan mengikut bidang kuasa Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad dan dilakukan mengikut perlembagaan negara.

“Segala pertikaian yang timbul kita fahami, namun kita belum boleh melakukannya, perlu tindakan awalan sebelum sesuatu perubahan



AMIRUDIN

dilaksanakan,” katanya semalam.

Memetik laporan media tempatan, katanya, pandangan yang dilontarkan oleh Ahli Parlimen Bukit Gelugor, Ramkarpal Singh juga sangat jelas.

“Saya rasa pandangan itu perlu dihormati dan bukan menjadi isu politik lebih lagi di suasana Aidilfitri ketika ini,” katanya.

6 Jun lalu, Ramkarpal

berkata pengakuan Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad bahawa beliau sendiri yang memilih peguam Latheefa Koya dilantik menjadi ketua pesuruhjaya SPM patut dibimbangi.

Katanya, Menteri Di Jabatan Perdana Menteri Liew Vui Keong tidak dapat menjawab persoalan pokok yang ditanyakan apabila mengatakan pelantikan tersebut dibuat dengan berlandaskan undang-undang.

Terdahulu, Latheefa dilantik sebagai Ketua Pesuruhjaya SPM yang baharu berkuat kuasa 1 Jun lalu selepas Datuk Seri Mohd Shukri Abdull menamatkan kontraknya lebih awal.



AKHBAR	SINAR HARIAN
TAJUK BERITA	LUBANG TENGAH JALAN PUNCA KEMALANGAN
MUKA SURAT	20

## Lubang tengah jalan punca kemalangan

**TANJONG KARANG** - Keadaan jalan utama yang rosak dan berlubang di Parit 3, Sungai Burong di sini umpama perangkap maut buat pengguna terutamanya penunggang motosikal.

Lebih teruk, kejadian kema- langan membabitkan penunggang motosikal yang tular pada Jumaat lalu akibat terlanggar lubang di tengah laluan itu menimbulkan kemarahan orang ramai.

Perkongsian page akaun Facebook, Produk Ikatan Silaturrahim Brotherhood itu turut meminta orang ramai mendoakan mangsa kemalangan terbabit selamat.


"Sama-sama doakan penung- gang selamat. Darah dah keluar dari hidung dan mulut. Lubang tengah jalan.

"Projek naik taraf jalan JKR. Lokasi: Tanjung Karang menghala ke Sekinchan. For our fallen brothers," katanya memetik kenyataan dalam hantaran itu.

Isu sama turut dikongsi dalam satu hantaran page akaun Face- book, Sekinchanku Sayang pada 8 Jun lalu.

"Jalan Persekutuan Parit 3 Tanjung Karang Selangor...berlu- bang malam tadi.

"Lubang ini menyebabkan penunggang motorsikal parah dan kritikal dalam bilik pembedahan.



Sama-sama doakan penunggang selamat.  
Darah dah keluar dari hidung dan mulut  
Lobang tengah jalan  
Projek Naiktaraf Jalan JKR  
Lokasi: Tanjung Karang menghala Sekinchan  
FOR OUR FALLEN BROTHERS



Inisidi kemalangan membabitkan penunggang motosikal akibat terlanggar lubang di tengah jalan di Parit 3, Sungai Burong tular di media sosial.

"Musim hujan ni jalan raya baru banyak berlubang di merata tempat. Sebab AWC jalan masih lembut," katanya memetik kenyataan itu.

Sementara itu, Pengurus Majlis Keselamatan Jalan Raya Daerah Kuala Selangor, Mohd Faizal Abd Raji menjelaskan, jalan terbabit sudah diturap selepas tular insiden

kemalangan terbabit.

"Jalan itu sebenarnya sedang dinaiktaraf dan memang ia diselia oleh kontraktor yang bertanggungjawab dalam projek terbabit.

"Bagaimanapun sejak berita kemalangan tersebut tular, pihak JKR Daerah Kuala Selangor memaklumkan kerja baik pulih akan dilaksanakan segera," katanya.